astro AWANI

# Jelajah AKM Terengganu tidak lupakan pelajar berkeperluan khas

Bernama
Jun 1, 2022 12:50 MYT




Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) akan berlangsung pada 2 hingga 4 Jun ini di Kompleks Sukan Negeri Terengganu. -- fotoBERNAMA

**KUALA TERENGGANU:** Pelbagai program dan pengisian menarik akan dianjurkan untuk golongan pelajar berkeperluan khas pada Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) yang berlangsung dari 2 hingga 4 Jun ini di Kompleks Sukan Negeri Terengganu di Kuala Nerus.

Pengarah Eksekutif Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama Jabatan Perdana Menteri Wan Azilawati Wan Mahmood berkata ia membuktikan Jelajah AKM kali ini, yang diterajui Kementerian Pendidikan dengan tema 'Keluarga Malaysia Keluarga Berilmu' bersifat holistik dan tidak melupakan pelajar Orang Kurang Upaya (OKU).

"Kita bawakan sekali aktiviti bersama Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas yang akan mengadakan kuiz, teka-teki dan soal jawab kepada pengunjung dan mereka berpeluang membawa pulang hadiah istimewa sekiranya berjaya menyertai serta memenangi aktiviti yang kita jalankan nanti.

"Banyak aktiviti yang akan kita ketengahkan untuk pelajar OKU," katanya dalam program Ruang Bicara bertajuk Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Terengganu terbitan Bernama TV yang bersiaran secara langsung malam tadi.

Beliau berkata pengunjung Jelajah AKM Terengganu akan disajikan dengan program santapan rohani melalui segmen Malam Kebudayaan Islam antaranya Forum Perdana dan Kuliah Agama.

Wan Azilawati juga berkata seperti di Johor, Perlis dan Sabah sebelum ini, program Jelajah AKM di Terengganu akan menyaksikan penganjuran acara Pencarian Bintang Patriotik yang merupakan antara selingan hiburan serta 'santapan telinga' buat pengunjung.

Jelajah AKM merupakan kesinambungan kepada penganjuran 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia yang diadakan di 14 lokasi di seluruh negara dengan pengisian program berbentuk perkhidmatan kepada rakyat bagi memastikan masyarakat di semua peringkat dapat memahami serta menghayati konsepnya dengan lebih jelas, yang menitikberatkan keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

-- BERNAMA